

Soalan Lazim Ditanya Takaful myCI Cover



TAKAFULmalaysia

MAKLUMAT AM

1) Apakah Takaful myCI Cover?

Ia merupakan pelan takaful penyakit kritikal yang membayar jumlah dilindungi apabila didiagnos dengan salah satu daripada 39 penyakit kritikal semasa dalam tempoh perlindungan.

2) Pelan ini sesuai untuk siapa?

Secara am, Takaful myCI Cover adalah sesuai untuk mereka yang memerlukan perlindungan penyakit kritikal dengan caruman mampu milik. Bayaran manfaat pelan ini boleh digunakan untuk membayar kos penjagaan dan menguruskan perbelanjaan ketika melalui kesukaran masa.

3) Berapakah amaun perlindungan yang saya perlukan?

Perlindungan yang anda perlukan bergantung kepada bajet dan keperluan kewangan anda. Anda boleh menentukan amaun perlindungan yang diperlukan dengan menggunakan aplikasi penilaian diri yang disediakan [di sini](#). Jumlah perlindungan maksimum bagi pelan ini adalah RM300,000.

4) Berapakah tempoh perlindungan pelan ini?

Tempoh perlindungan pelan ini adalah 10 atau 20 tahun.

5) Siapakah yang boleh memohon pelan ini?

Pelan ini terbuka kepada rakyat Malaysia berumur 19 ke 45 tahun pada hari lahir yang akan datang.

6) Bolehkah saya memohon pelan ini untuk orang lain?

Tidak, anda hanya boleh memohon pelan ini untuk diri sendiri.

7) Adakah saya perlu melakukan sebarang pemeriksaan kesihatan?

Tidak, anda hanya perlu melengkapkan borang permohonan dan menjawab beberapa soalan kesihatan dengan jujur.

8) Bolehkah saya memohon pelan ini melalui perantara?

Tidak, pelan ini diedarkan tanpa sebarang perantara. Anda boleh mengunjungi pusat Takaful myCare Centre kami yang berdekatan dengan anda untuk memohon pelan ini.

9) Bagaimanakah saya boleh memohon untuk menyertai Takaful myCI Cover?

Anda boleh memuat turun borang permohonan [di sini](#) dan menghantar borang tersebut berserta dokumen sokongan di mana-mana pusat Takaful myCare Centre yang berdekatan dengan anda.

10) Bolehkah saya dilindungi di bawah lebih daripada satu pelan Takaful myCI Cover?

Tidak, seorang individu hanya boleh dilindungi oleh satu sijil Takaful myCI Cover.

11) Bagaimanakah saya boleh mengetahui jika permohonan saya diterima atau ditolak?

Kami akan memaklumkan anda mengenai status permohonan anda melalui emel.

12) Bilakah perlindungan saya akan bermula?

Perlindungan akan bermula selepas pihak kami meluluskan permohonan anda dan pembayaran caruman pertama berjaya dilakukan dengan menggunakan kad kredit/debit. Tarikh kuat kuasa akan dinyatakan di dalam e-Sijil.

13) Bilakah saya akan menerima sijil saya?

Apabila permohonan anda berjaya setelah bayaran caruman dijelaskan, kami akan menghantar e-Sijil ke alamat emel yang terkandung di dalam borang permohonan dan akan menyediakan pautan untuk anda memuat turun Sijil sebagai rujukan bagi terma dan syarat pelan ini. Anda boleh klik [di sini](#) untuk melihat Sijil pelan ini.

MANFAAT

14) Apakah yang dilindungi di bawah pelan ini?

Pelan ini membayar manfaat sekali gus jika anda didiagnos dengan salah satu daripada 39 penyakit kritikal yang dilindungi ketika tempoh perlindungan. Anda hendaklah mandiri sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari dari tarikh diagnosis penyakit kritikal sebelum manfaat akan dibayar untuk pelan ini.

15) Berapakah amaun perlindungan yang boleh saya pilih?

Amaun perlindungan asas yang minimum ialah RM50,000. Anda boleh memilih sebarang amaun dalam gandaan RM10,000 (seperti RM50,000, RM60,000, RM70,000 dan sebagainya), tertakluk kepada amaun maksimum RM300,000.

16) Adakah pelan ini mempunyai nilai tunai?

Tidak, pelan ini tidak mempunyai nilai tunai.

17) Adakah terdapat sebarang manfaat matang yang ditawarkan di bawah pelan ini?

Tidak, pelan ini tidak menawarkan manfaat matang.

18) Bagaimanakah perlindungan saya akan tamat?

Sila rujuk klausa Penamatan di dalam Sijil dengan klik [di sini](#).

CAJ DAN YURAN

19) Berapakah jumlah caruman yang perlu saya bayar?

Jumlah caruman bergantung kepada umur kemasukan, jantina, tempoh perlindungan dan jumlah perlindungan anda. Anda hendaklah memastikan caruman yang dibayar untuk pelan ini di dalam lingkungan bajet anda.

20) Berapakah tempoh pembayaran caruman?

Tempoh pembayaran caruman untuk pelan ini adalah 10 atau 20 tahun, bergantung kepada tempoh perlindungan anda.

21) Apakah kaedah pembayaran yang dibenarkan untuk pelan ini?

Kaedah pembayaran yang diterima oleh kami adalah dengan menggunakan kad kredit dan debit sahaja. Jika anda membuat bayaran menggunakan kad debit, *opt-in* daripada pemegang kad kepada bank adalah diperlukan untuk memastikan potongan bayaran caruman yang seterusnya berjaya untuk perlindungan berterusan.

22) Bolehkah saya mengubah kekerapan bayaran caruman?

Tidak, semua caruman hendaklah dibayar secara tahunan sahaja.

23) Adakah caruman akan meningkat sepanjang tempoh perlindungan?

Caruman adalah tetap tetapi kadar caruman adalah tidak terjamin. Kami mempunyai hak untuk menyemak semula caruman dengan memberikan anda notis 30 hari sebelum ulang tahun sijil yang seterusnya.

24) Bagaimanakah saya boleh membayar caruman pembaharuan?

Kami akan menolak caruman pembaharuan anda secara automatik daripada kad kredit/debit yang berdaftar dengan kami dalam masa 30 hari daripada tarikh matang caruman.

25) Adakah pelan ini mempunyai tempoh tangguh untuk pembayaran yang seterusnya?

Tempoh tangguh selama 30 hari daripada setiap tarikh matang caruman akan diberikan. Jika caruman masih belum dibayar selepas tamat tempoh tangguh, sijil anda akan luput dan tidak lagi sah.

26) Adakah pelan ini tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan?

Tidak, pelan ini tidak tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan.

27) Adakah saya layak untuk mendapatkan pelepasan cukai di bawah pelan ini?

Ya, anda mungkin layak untuk pelepasan cukai, tertakluk kepada persetujuan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

PERKHIDMATAN SIJIL DAN ENDORSEMEN

28) Bolehkah saya menukar jumlah perlindungan selepas sijil saya telah dikeluarkan?

Tidak, jumlah perlindungan tidak boleh ditukar selepas sijil telah dikeluarkan.

29) Bolehkah saya mengubah tempoh perlindungan selepas sijil saya telah dikeluarkan?

Tidak, tempoh perlindungan tidak boleh diubah selepas sijil telah dikeluarkan.

30) Bolehkah saya menukar maklumat kad kredit saya?

Ya, anda boleh memuat turun borang [di sini](#) dan menghantar borang tersebut kepada kami melalui emel di csu@takaful-malaysia.com.my atau kunjungi pusat Takaful *myCare* Centre yang berdekatan dengan anda.

31) Bolehkah saya menukar alamat emel?

Ya, anda boleh memaklumkan kami tentang pertukaran alamat emel anda dengan menghantar emel kepada kami di csu@takaful-malaysia.com.my.

32) Adakah saya akan mendapat bayaran balik sekiranya saya membatalkan sijil?

Jika anda membatalkan sijil dalam masa 15 hari tempoh penelitian percuma daripada tarikh penghantaran e-Sijil, bayaran balik penuh caruman yang telah anda bayar akan dilakukan.

Walau bagaimanapun, jika anda membatalkan sijil selepas 15 hari tempoh penelitian percuma, tiada bayaran balik caruman atau nilai tunai akan dilakukan. Perlindungan anda akan tamat pada tarikh matang caruman yang seterusnya di mana anda tidak lagi perlu membayar caruman yang seterusnya.

33) Bagaimanakah saya boleh mengemaskini maklumat akaun bank untuk e-pembayaran?

Anda boleh memuat turun borang [di sini](#) dan menghantar borang tersebut kepada kami melalui emel di csu@takaful-malaysia.com.my atau kunjungi pusat Takaful *myCare* Centre yang berdekatan dengan anda.

34) Bagaimanakah saya boleh menghantar permintaan untuk pembatalan atau penamatan?

Anda boleh memuat turun borang [di sini](#) dan menghantar borang tersebut kepada kami melalui emel di csu@takaful-malaysia.com.my atau kunjungi pusat Takaful *myCare* Centre yang berdekatan dengan anda.

35) Sijil saya telah luput. Bolehkah saya kuat kuasakan semula sijil saya?

Ya. Kuat kuasa semula adalah dibenarkan dalam masa 6 bulan daripada tarikh luput. Anda hendaklah menghantar permintaan kuat kuasa semula dengan melengkapkan borang permohonan [di sini](#) dan membayar semula caruman tertunggak. Walau bagaimanapun, penerimaan permintaan kuat kuasa semula adalah tertakluk kepada pengunderaitan kesihatan ketika permintaan anda dilakukan.

36) Bagaimanakah saya boleh lakukan penamaan untuk pelan ini?

Anda dinasihatkan untuk melengkapkan maklumat penamaan di dalam borang permohonan. Selain itu, anda juga boleh melengkapkan borang penama [di sini](#) dan menghantar borang tersebut kepada kami melalui emel di csu@takaful-malaysia.com.my atau kunjungi pusat Takaful *myCare* Centre yang berdekatan dengan anda.

37) Siapakah yang perlu saya hubungi untuk perkhidmatan dan pertanyaan sijil?

Untuk bantuan dan pertanyaan, sila hubungi Unit Khidmat Pelanggan kami di 1-300 88 252 385 ketika waktu pejabat atau anda boleh emel kami di csu@takaful-malaysia.com.my. Anda juga boleh kunjungi pusat Takaful *myCare* Centre yang berdekatan dengan anda.

38) Di manakah saya boleh melihat senarai pusat Takaful *myCare* Centre?

Sila rujuk senarai pusat Takaful *myCare* Centre kami [di sini](#).

39) Bagaimanakah saya boleh membuat tuntutan?

Sila klik [di sini](#) untuk panduan tuntutan.

40) Apakah pengecualian yang terdapat pada pelan ini?

Sila rujuk kepada Sijil dengan klik [di sini](#) untuk senarai pengecualian di bawah sijil ini.

41) Adakah pelan ini mempunyai tempoh menunggu?

Jenis Tuntutan	Tempoh Menunggu
Kanser	60 hari dari tarikh kuat kuasa atau tarikh kuat kuasa semula; yang mana lebih kemudian
Penyakit kritikal selain kanser	30 hari dari tarikh kuat kuasa atau tarikh kuat kuasa semula; yang mana lebih kemudian
Penyakit sedia ada	Tidak dilindungi

42) Berapa kali saya boleh membuat tuntutan di bawah perlindungan penyakit kritikal?

la bergantung kepada jenis penyakit kritikal yang didiagnos. Untuk rawatan angioplasti dan rawatan invasif yang lain untuk perlindungan penyakit arteri koronari, amaun yang akan dibayar adalah 10% daripada jumlah dilindungi, tertakluk kepada maksimum RM25,000. Untuk tuntutan penyakit kritikal yang lain, bayaran sekali gus akan dibayar tertakluk kepada jumlah perlindungan pelan anda.

43) Adakah saya dilindungi di luar Malaysia?

Ya, perlindungan di bawah pelan ini terpakai di seluruh dunia, tertakluk kepada terma dan syarat di dalam [Sijil](#).

44) Berapa lamakah masa yang diambil untuk memproses tuntutan?

Kebiasaannya, proses tuntutan akan mengambil masa sehingga 14 hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap diterima.

45) Bagaimanakah saya boleh menyemak status tuntutan?

Anda boleh menghubungi Unit Khidmat Pelanggan kami di 1-300 88 252 385 ketika waktu pejabat atau emel kepada csu@takaful-malaysia.com.my.

46) Bagaimanakah saya akan mendapat bayaran tuntutan?

Pembayaran tuntutan akan dibayar kepada anda atau penama-penama anda melalui kaedah e-pembayaran dalam masa 3 hingga 5 hari bekerja selepas tuntutan tersebut diluluskan.